

ARAHAN AWAL PERUBATAN (AMD)

IMBANGI KEHIDUPAN
RANCANG DARI AWAL UNTUK
MERINGANKAN BEBAN
ORANG KESAYANGAN



Kita sering mengambil mudah tentang banyak perkara dalam kehidupan.

Seringkali, kita menanti sehingga penyakit atau kemalangan serius berlaku sebelum kita mula berfikir tentang isu-isu kehidupan dan kematian. Ramai orang ingin meninggal dunia secara semulajadi dan aman serta dengan harga diri yang terjaga, apabila mereka menghembuskan nafas terakhir.

Adalah sesuatu yang benar-benar menyedihkan sekiranya kita tidak dapat melahirkan keinginan ini dan melepaskan orang-orang kesayangan daripada perlu membuat keputusan yang sukar dalam tahap-tahap akhir penyakit yang membawa maut.

Kita boleh merancang bagi perjalanan masa hadapan dengan Arahan Awal Perubatan (AMD). Adalah yang membuat pilihannya.

Apakah Arahan Awal Perubatan?

AMD ialah sebuah dokumen undang-undang yang anda tandatangi dari awal untuk memberitahu doktor yang merawat anda bahawa sekiranya anda menghidap penyakit yang membawa maut* dan berada dalam keadaan tidak sedarkan diri, anda tidak mahu sebarang rawatan perubatan untuk mengekalkan nyawa digunakan untuk memanjangkan kehidupan anda. AMD BUKAN euthanasia atau pembunuhan belas kasihan, iaitu, perbuatan yang dilakukan dengan sengaja untuk menamatkan nyawa seseorang yang menghidap penyakit yang tidak boleh sembuh dan sangat menyakitkan dengan cara luar biasa, seperti penyuntikan kimia beracun.

** Penyakit yang membawa maut ditakrifkan dalam Akta ini sebagai satu keadaan yang tidak boleh disembuhkan yang disebabkan oleh kecederaan atau penyakit di mana tidak ada harapan untuk pemulihan sementara ataupun pemulihan selama-lamanya. Dalam keadaan seperti ini, maut pasti tidak dapat dielakkan walaupun langkah-langkah luar biasa diambil untuk mengekalkan nyawa si pesakit. Langkah-langkah luar biasa untuk mengekalkan nyawa ini hanya dapat menangguhkan masa si pesakit menemui ajal.*

Bilakah harus saya membuat AMD?

AMD sebaik-baiknya dibuat apabila tidak ada tekanan untuk membuatnya – semasa anda sihat. Jika keluarga anda menentang, anda seharusnya mendapatkan persefahaman mereka sebelum membuat AMD. Jika anda tidak mahu memberitahu keluarga anda, anda masih boleh membuat AMD yang akan dirahsiakan, sehingga anda ingin memberitahu tentangnya kepada seseorang.

Bagaimanakah boleh saya membuat AMD?

Sesiapa sahaja yang berusia 21 tahun atau lebih dan berfikiran waras boleh membuat AMD. Apa yang anda perlu lakukan ialah mengisi borang AMD yang disediakan, menandatangani di depan dua orang saksi, dan memulangkannya kepada Pendaftar AMD. Anda boleh mendapatkan borangnya di laman Kementerian Kesihatan (MOH).

Untuk maklumat lanjut, sila lungsuri:
www.moh.gov.sg/amd atau hubungi 1800-2254122.



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE